



KEMENTERIAN KOMUNIKASI

## SIARAN MEDIA

---

### **PENCALONAN ANUGERAH SERI ANGKASA DIBUKA MULAI 1 HINGGA 15 JULAI 2024**

**PUTRAJAYA, 14 Jun 2024** - Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching hari ini mengumumkan pencalonan Anugerah Seri Angkasa (ASA) 2024 akan dibuka selama dua (2) minggu bermula **1 Julai hingga 15 Julai 2024**.

ASA telah dianjurkan sebanyak 35 kali sejak tahun 1972 merupakan inisiatif penting kerajaan melalui Kementerian Komunikasi untuk mengiktiraf dan memartabatkan industri penyiaran tanah air serta penggiat di belakang tabir. **ASA 2024** merupakan **edisi ke-36** dan penganjuran kali ini menginspirasi "sparkling diamonds" dengan tema "**Kilauan Prestij, Citra Kegemilangan**".

ASA 2024 mempertandingkan **sebanyak 60 kategori, iaitu 40 kategori televisyen (TV), 16 kategori radio dan empat (4) kategori media baharu**. ASA 2024 turut memperkenalkan **satu (1) kategori baharu** di bawah media baharu, iaitu **Podcast Terbaik**. Di samping itu, **dua (2) kategori khas** iaitu **Anugerah Khas Juri** dan **Tokoh Seri Angkasa** juga ditampilkan menjadikan **jumlah keseluruhan** sebanyak **62 kategori**.

Syarat utama penyertaan ialah semua pencalonan perlu dikemukakan melalui **organisasi penyiaran yang berlesen dan pertama kali disiarkan di stesen penyiaran dan platform media baharu** dalam tempoh antara **1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2023**.

Sepanjang tempoh pencalonan, Kementerian Komunikasi turut menyediakan **kemudahan** untuk mengakses dan mengemukakan pencalonan melalui sistem ASA 2024 di **Makmal Komputer B, Aras 19, Kompleks Kementerian Komunikasi**.

Semua stesen penyiaran kerajaan dan swasta dipelawa untuk merujuk dan mengemukakan pencalonan bagi **60 kategori** secara dalam talian melalui laman sesawang [www.anugerahseriangkasa.gov.my](http://www.anugerahseriangkasa.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:  
Jawatankuasa Publisiti dan Promosi  
Anugerah Seri Angkasa 2024**

**SENARAI PENUH PENCALONAN  
ANUGERAH SERI ANGKASA 2024**

**KATEGORI TV**

1. Drama TV Terbaik
2. Drama Bersiri TV Terbaik
3. Pengarah Drama TV Terbaik
4. Skrip Drama TV Terbaik
5. Pelakon Lelaki Drama TV Terbaik
6. Pelakon Wanita Drama TV Terbaik
7. Pelakon Pembantu Lelaki Drama TV Terbaik
8. Pelakon Pembantu Wanita Drama TV Terbaik
9. Pelakon Kanak-Kanak TV Terbaik
10. Pelakon Komedi TV Terbaik
11. Dokumentari TV Terbaik
12. Majalah TV Terbaik
13. Bicarawara TV Terbaik
14. Hiburan Muzikal TV Terbaik
15. Komedi TV Terbaik
16. Rancangan Agama TV Terbaik
17. Rancangan Sukan TV Terbaik
18. Liputan Sukan TV Terbaik
19. Rancangan Kanak-Kanak TV Terbaik
20. Animasi Tempatan TV Terbaik
21. PSA & Kapsul TV Terbaik
22. Montaj TV Terbaik
23. Pengacara TV Terbaik
24. Pengulas TV Terbaik
25. Liputan Berita TV Terbaik
26. Buletin TV Terbaik
27. Laporan Khas Berita TV Terbaik
28. Liputan Khas Siaran Langsung Terbaik
29. Penyampai Berita TV Terbaik
30. Wartawan TV Terbaik
31. Jurukamera MCP Terbaik
32. Jurukamera SCP Terbaik
33. Suntingan Rancangan TV Terbaik
34. Penataan Cahaya TV Terbaik
35. Audio Rancangan TV Terbaik
36. Pengimbang Muzik TV Terbaik
37. Set TV Terbaik
38. Tatarias TV Terbaik
39. Grafik TV Terbaik
40. Kesan Khas TV Terbaik

## **KATEGORI RADIO**

1. Drama Radio Terbaik
2. Skrip Drama Radio Terbaik
3. Pelakon Drama Radio Terbaik
4. Pelakon Pembantu Drama Radio Terbaik
5. Majalah Radio Terbaik
6. Dokumentari Radio Terbaik
7. Bicarawara Radio Terbaik
8. Hiburan Radio Terbaik
9. Rancangan Agama Radio Terbaik
10. PSA dan Kapsul Radio Terbaik
11. Penyampai Radio Lelaki Terbaik
12. Penyampai Radio Wanita Terbaik
13. Penyampai Berita Radio Terbaik
14. Buletin Radio Terbaik
15. Liputan Berita Radio Terbaik
16. Pengimbang Audio Radio Terbaik

## **KATEGORI MEDIA BAHARU**

1. Drama Terbaik
2. Drama Bersiri Terbaik
3. Kandungan Video Terbaik
4. Podcast Terbaik

## **KATEGORI KHAS**

1. Khas Juri
2. Tokoh Seri Angkasa